

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : ()04/C/PK/S/790

9 Disember 2025

Semua pemegang lesen berikut:-

1. Kilang Buah Kelapa Sawit (MF)
2. Kilang Penapis (RF),
3. Kilang Pelumat Isirung Sawit (CF),
4. Kilang Oleokimia Sawit (CM),
5. Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF),
6. Peniaga Asid Lemak Sawit (DA),
7. Peniaga Isirung Sawit (DK),
8. Peniaga Minyak Sawit (DL),
9. Peniaga Oleokimia Sawit (DM),
10. Kemudahan Simpanan Pukal (KS),
11. Makmal (LB),
12. Pengimport Keluaran Kelapa Sawit (PM),
13. Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit (PX),
14. Pengukur Keluaran Kelapa Sawit (UK); dan
15. Pengangkut Minyak Sawit (TL)

Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN AKTIVITI PENYELENGGARAAN SISTEM SAWIT INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (SIMS)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan melaksanakan aktiviti penyelenggaraan *Sawit Intelligent Management System* (SIMS). Pelaksanaan ini merupakan komitmen berterusan MPOB bagi memastikan peningkatan prestasi dan kestabilan sistem yang optimum.

3. Sehubungan itu, capaian ke atas sistem SIMS akan terganggu bermula pada **Jumaat, 12 Disember 2025 (8.00 malam)** sehingga **Ahad, 14 Disember 2025 (6.00 petang)**. Kerjasama pihak tuan adalah dipohon untuk mematuhi prosedur operasi sementara yang digariskan di bawah bagi memastikan kelancaran operasi perniagaan sepanjang tempoh gangguan tersebut:

3.1. Pengalihan Minyak Sawit

Semua pemegang lesen MPOB yang terlibat dengan pengalihan minyak sawit hendaklah mengemukakan maklumat pengalihan kepada MPOB melalui e-mel ke alamat sims@mpob.gov.my bagi setiap pengalihan yang dilakukan. Maklumat pengalihan perlu dikemukakan oleh pihak konsainor sebelum pengalihan dilakukan.



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02602



Maklumat yang perlu dikemukakan melalui e-mel adalah seperti berikut:

- Nama dan nombor lesen MPOB konsainor.
- Nama dan nombor lesen MPOB konsaini.
- Nombor Tiket Timbang.
- Salinan Tiket Timbang (dalam bentuk lampiran).

3.2. Penghantaran Rekod Harian

Bagi pemegang lesen yang terlibat dengan penghantaran rekod harian (Jual, Beli, Import, Eksport, Pengukuran, dan Pengujian) semua transaksi yang dilakukan pada 12, 13, dan 14 Disember 2025 hendaklah direkodkan dan disimpan oleh pihak tuan/puan.

Setelah sistem SIMS beroperasi semula, semua rekod harian bagi tarikh-tarikh tersebut wajib dimasukkan dan dihantar kepada MPOB melalui SIMS pada atau sebelum 15 Disember 2025 (Isnin) jam 3:00 petang.

4. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Bilik Kawalan SIMS di talian 03-87512600.

5. Pihak MPOB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama serta sokongan berterusan daripada semua pemegang lesen dan memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul sepanjang tempoh penyelenggaraan sistem ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



DATUK DR. AHMAD PARVEEZ BIN HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)